



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

VOLUME

22

ISSUE 2
2026

eISSN: : 2682-7840

ADVISORY BOARD MEMBER

PROFESSOR DR. ROSHIMA HAJI. SAID ASSOCIATE
PROFESSOR DR MOHD RIZAIMY SHAHRUDDIN

CHIEF EDITOR

DR. JUNAIDA ISMAIL

MANAGING EDITOR

MOHD NAZIR RABUN

COPY EDITOR

SYAHRINI SHAWALLUDIN

EDITORIAL TEAM

SAMSIAH BIDIN
ETTY HARNIZA HARUN
INTAN SYAHRIZA AZIZAN

EDITORIAL TECHNICAL TEAM

KHAIRUL WANIS AHMAD
MAZURIAH AHMAD

EDITORIAL BOARD

PROFESSOR DR. DIANA KOPEVA,

UNIVERSITY OF NATIONAL AND WORLD ECONOMY,
SOFIA, BULGARIA

PROFESSOR DR. KIYMET TUNCA CALIYURT,

FACULTY OF ACCOUNTANCY,
TRAKYA UNIVERSITY, EDIRNE, TURKEY

PROFESSOR DR. M. NAUMAN FAROOQI,

FACULTY OF BUSINESS & SOCIAL SCIENCES,
MOUNT ALLISON UNIVERSITY, NEW BRUNSWICK, CANADA

PROFESSOR DR. SIVAMURUGAN PANDIAN,

SCHOOL OF SOCIAL SCIENCE,
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM), PULAU PINANG

PROF. DR SULIKAH ASMOROWATI,

FISIP, UNIVERSITAS AIRLANGGA (UNAIR),
SURABAYA, INDONESIA

DR. IRA PATRIANI,
FISIP, UNIVERSITAS TANJUNGPURA (UNTAN),
PONTIANAK, INDONESIA

DR. RIZAL ZAMANI IDRIS,
FACULTY OF SOCIAL SCIENCE & HUMANITIES,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS), SABAH

DR. SIMON JACKSON,
FACULTY OF HEALTH, ARTS AND DESIGN,
SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY MELBOURNE, AUST

DR. AZYYATI ANUAR,
FACULTY OF BUSINESS MANAGEMENT,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. FARYNA MOHD KHALIS,
COLLEGE OF CREATIVE ARTS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) SHAH ALAM, MALAYSIA

DR IDA NORMAYA MOHD NASIR,
FACULTY COMPUTER SCIENCE AND MATHEMATICS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR MOHD FAIZAL JAMALUDIN,
FACULTY OF ACCOUNTANCY,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR. MUHAMAD KHAIRUL ANUAR ZULKEPLI,
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

DR NOR ARDIYANTI AHMAD,
FACULTY OF ADMINISTRATIVE SCIENCES & POLICY STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) KEDAH BRANCH, MALAYSIA

e-ISSN:2682-7840



Copyright © 2026 by the Universiti Teknologi MARA Press

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

TABLE of CONTENTS

MAPPING THE INTELLECTUAL LANDSCAPE OF TEAM PERFORMANCE RESEARCH IN EMERGENCY AND LAW ENFORCEMENT CONTEXTS: A BIBLIOMETRIC ANALYSIS (2000-2025) Norsyazwani Ab Halim ^{1*} , Azlyn Ahmad Zawawi ² & Nur Zafifa Kamarunzaman ³	1 - 25
ARTIFICIAL INTELLIGENCE IN HIGHER EDUCATION MATHEMATICS: A SYSTEMATIC REVIEW OF AI-BASED PLATFORMS, CHALLENGES, AND TEACHING TRANSFORMATION Yee Ming Chew ¹ , Set Foong Ng ² & Kok Shien Ng ^{3*}	26 - 38
ASSESSING THE RELATIONSHIP BETWEEN COERCIVE FACTORS AND E-SERVICE CONTENT ON MALAYSIAN LOCAL GOVERNMENT WEBSITES Sabariah Abd Samad ¹ , Corina Joseph ^{2*} & Leong Siow Hoo ³	39 - 53
DISCLOSURE OF CORPORATE RISK INFORMATION: EVIDENCE FROM AWARD-WINNING ORGANIZATIONS IN MALAYSIA Nur Syahira Rashadan ¹ , Corina Joseph ² , Muhammad Hariz Hamid ^{3*} , Sharifah Norzehan Syed Yusuf ⁴	54 - 78
METACOGNITIVE LISTENING STRATEGIES AND LANGUAGE PROFICIENCY AMONG MALAYSIAN ESL PRE-UNIVERSITY STUDENTS Suzie Wong@Rahman ^{1*} , Mohammad Radzi Manap ² , Nor Fazlin Mohd Ramli ² & Zachariah Aidin Druckman ²	79 - 100
ELEMEN KETIDAKSANTUNAN DALAM RUANGAN KOMEN MEDIA SOSIAL BERKAITAN LANTIKAN HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN Mohamad Nik Mat Pelet ^{1*} , Adib Zakwan Alqayyum Shahbuddin ¹ , Nurul Nadia Samud ¹ , Norita Harijaman ¹ , Nor Hani Suhaimi ¹	101 - 114
REINTERPRETING MALAY TRADITION: HYBRID AESTHETIC FRAMEWORKS IN CONTEMPORARY VISUAL ART PRACTICES Mohamat Najib bin Mat Noor ^{1*}	115 - 126
DETERMINANTS OF CUSTOMER SATISFACTION TOWARDS ROBOTIC WAITERS AMONG GEN Z CUSTOMERS IN MALAYSIA: A CONCEPTUAL PAPER Law Kuan Kheng [*]	127 - 135
PERCEPTION AND ADOPTION INTENTION OF ONLINE MARKETING AND SEARCH ENGINE OPTIMIZATION (SEO) AMONG SME ENTREPRENEURS IN ANJUNG KINABALU: AN APPLICATION OF THE THEORY OF PLANNED BEHAVIOR Joshua Alfred ¹ , Viduriati Binti Sumin ^{1*}	136 - 153
THE ROLES OF LOCAL COMMUNITY IN SUSTAINABLE MARINE RESOURCES MANAGEMENT: A CASE STUDY OF TUN MUSTAPHA PARK, SABAH Erica Joanne Reuben ^{1*} , Haijon Gunggut ² , Haidy Henry Dusim ³	154 - 170
BEYOND TECHNICAL COMPETENCE: ALIGNING OBE AND VBE FOR FUTURE-READY ENGINEERING TECHNOLOGY EDUCATION Chee-Ming Chan ^{1*} , Azeanita Suratkon ² & Alina Shamsuddin ³	171 - 185
PLASTIC CONSUMPTION IN THE DIGITAL ERA: A BIBLIOMETRIC ANALYSIS BASED ON AUTHOR AND INDEX KEYWORDS Che Faridah Che Mahmood ¹ , Nor Zubaidah Nor Albashri ^{2*} , Mazlina Ismail ³ , Nur Adilah Saud ⁴ , Suhaili Mohd Yusof ⁵ & Yan-Ling Tan ⁶	186 - 203

ALGORITHM DESIGN PATTERNS: A CONCEPTUAL FRAMEWORK FOR SIMPLIFYING COMPLEX PROBLEMS IN BEGINNER COMPUTER SCIENCE EDUCATION Nureen Qistina Affandi ¹ , Siti Nur Ain Abd Rahman ²	204 - 218
A CRITICAL REASSESSMENT OF INTELLECTUAL CAPITAL MANAGEMENT IN THE AGE OF ALGORITHMIC MANAGEMENT Kardina Kamaruddin ¹ , Noor Malinjasari Ali ²	219 - 238
GENERATIVE AI AS A LEARNING COMPANION: OPPORTUNITIES AND CHALLENGES FOR NOVICE PROGRAMMERS Noor Hasnita Abdul Talib ¹ , Jasmin Ilyani Ahmad ² , Zanariah Idrus ³ , Nor Hafizah Abdul Razak ⁴ , Siti Nurbaya Ismail ⁵ & Intan Radina Ahmad ⁶	239 - 251
DIGITAL AMNESIA IN THE DIGITAL CLASSROOM: A REVIEW OF MEMORY RETENTION CHALLENGES AMONG COMPUTER SCIENCE STUDENTS Jasmin Ilyani Ahmad ¹ , Noor Hasnita Abdul Talib ² , Intan Radina Ahmad ³ , Siti Nurbaya Ismail ⁴ , Nor Hafizah Abdul Razak ⁵ & Zanariah Idrus ⁶	252 - 269

Elemen Ketidaksantunan Dalam Ruangan Komen Media Sosial Berkaitan Lantikan Hakim Mahkamah Persekutuan

Mohamad Nik Mat Pelet^{1*}, Adib Zakwan Alqayyum Shahbuddin¹, Nurul Nadia Samud¹,
Norita Harijaman¹, Nor Hani Suhaimi¹

¹Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam

ARTICLE INFO

Article history:

Received Feb 2026
Accepted April 2026
Published July 2026

Keywords:

Strategi Kesantunan
Bahasa Kesat
Cacian
Media Sosial
Politik

Corresponding Author:
nikmat@uitm.edu.my

DOI:
<https://doi.org/10.24191/VoA.v22i2.13436>

ABSTRACT

Komunikasi merupakan elemen penting dalam sesebuah peristiwa bahasa sama ada komunikasi secara lisan mahupun tulisan. Elemen komunikasi juga mengalami perubahan gaya penyampaian yang berbeza-beza antara individu ketika berhubung mahupun berinteraksi sehingga mendorong kepada kepelbagaian penggunaan corak atau gaya bahasa. Antara perubahan paling ketara apabila penggunaan bahasa kesat, bahasa kasar dan cacian mendominasi dalam sesuatu isu yang tular. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan bahasa kesat dan cacian dalam ruangan komen Facebook berkaitan isu lantikan hakim Mahkamah Persekutuan berasaskan Strategi Ketidaksantunan Culpeper (1996) dan disokong oleh Formula Ketidaksantunan Konvensional Culpeper (2011). Hasil analisis kajian mendedahkan kewujudan empat daripada lima Strategi Ketidaksantunan yang dikemukakan oleh Culpeper (1996), iaitu ketidaksantunan secara langsung, ketidaksantunan positif, ketidaksantunan negatif, dan sarkastik atau sindiran, manakala strategi kelima, iaitu menahan kesantunan tidak ditemukan dalam dapatan kajian. Hasil daripada penelitian mendapati ketidaksantunan bahasa penggunaan bahasa kesat dan cacian menerusi ruangan komen media Facebook adalah satu bentuk tindak balas daripada pencetus yang mendorong sesuatu ujaran. Pengguna media sosial tidak lagi berselindung di sebalik akaun palsu untuk memberi pendapat atau pandangan tentang sesuatu isu malah, semakin berani mengeluarkan kata-kata kesat mahupun cacian demi kepuasan dan kepentingan peribadi. Justeru, dengan adanya kajian ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terutamanya pengguna media sosial dalam menjaga tutur kata dan peka dengan keperluan menjaga kesantunan bahasa dalam komunikasi.

1. Pengenalan

Bahasa merupakan elemen utama dalam sesebuah komunikasi yang berperanan untuk mewujudkan hubungan antara dua pihak sama ada untuk berkongsi pendapat, memberi pandangan atau menyampaikan maklumat. Bahasa juga memainkan peranan penting untuk menyerlahkan identiti atau imej seseorang melalui penggunaan bahasa yang santun atau sebaliknya (Awang Sariyan, 2007)."

Kini, bahasa tidak hanya terhad diujarkan secara lisan malah bahasa juga boleh dizahirkan melalui pelbagai kaedah termasuklah tulisan di ruang komen media sosial dan sebagainya. Dalam erti lain, bahasa menjadi senjata utama dalam kalangan manusia untuk digunakan secara positif mahupun negatif. Seiring dengan perkembangan semasa,

bahasa juga semakin menyerlah untuk dianalisis dengan adanya perkembangan teknologi maklumat kerana ia medium tanpa sempadan yang membolehkan menilai, mengenal pasti dan menganalisis bahasa-bahasa yang digunakan oleh setiap lapisan masyarakat berbanding pada zaman dahulu yang terhad kepada bahasa yang terkandung dalam sesebuah penulisan, audio atau visual. Maklumat di hujung jari adalah perumpamaan yang paling relevan dengan perkembangan semasa berkaitan bidang teknologi maklumat sehingga ia menjadi pengaruh dalam gaya hidup masyarakat di seluruh dunia. Teknologi maklumat juga mampu mengubah cara masyarakat dunia bekerja, berkomunikasi termasuklah mendapatkan maklumat kerana kemajuan teknologi maklumat menjadi medan komunikasi dalam talian tanpa sempadan termasuklah perbankan digital, akses kepada pendidikan dan mendapatkan pelbagai maklumat sehingga menjadikan gaya hidup masyarakat lebih dinamik dan efisien. Media sosial seperti Facebook, Instagram mahupun TikTok adalah antara entiti yang menjadi pilihan utama masyarakat seluruh dunia (Ika et al., 2013) dalam menyebarkan maklumat di samping membentuk pelbagai persepsi.

Namun, penyebaran maklumat tanpa ditapis atau disemak dari segi kesahihannya mampu menjejaskan keharmonian dalam sesebuah masyarakat mahupun negara ekoran daripada penyampaian maklumat yang tidak benar sehingga mendorong kepada suasana tegang lebih-lebih lagi Malaysia yang mempunyai kepelbagaian bangsa dan agama. Justeru, pengguna media sosial sewajarnya menggunakan medium tersebut secara beretika bagi memastikan tidak membuka ruang atau medan untuk menggunakan bahasa kesat atau cacian dalam memberi pendapat atau pandangan berkaitan sesuatu isu yang tular di media sosial sehingga menjatuhkan imej seseorang (Azianura dan Mohammad Rahim, 2019). Kewajaran ini bukan berbentuk sekatan hak asasi manusia akan tetapi terarah kepada pembentukan masyarakat yang berhemah dan pengamalan penggunaan bahasa sebagai alat untuk berkomunikasi dalam memberi pendapat atau pandangan di samping menjaga ketatasusilaan dan budaya masyarakat Malaysia yang sinonim dengan budi bahasa dan pekerti mulia.

Dalam pada itu, masyarakat tidak dapat menafikan peranan sesebuah media sosial dalam menyebarkan atau menyampaikan sesuatu isu tular tidak boleh disangkal kerana terdapat pelbagai isu yang dimuat naik melalui media sosial mampu memberi kesedaran kepada masyarakat amnya dan pihak berkuasa khususnya untuk mengambil tindakan wajar jika berlakunya kesalahan mahupun ketirisan. Pelbagai isu tular seperti kes rasuah, salah guna kuasa, penderaan mental dan fizikal, dadah, kecurangan dan sebagainya menjadi perdebatan hebat pengguna media sosial sehingga mereka menggunakan bahasa yang tidak sewajarnya. Malah, pengguna media sosial juga turut meninggalkan komen dengan kata-kata kesat atau cacian tanpa menilai latar belakang isu termasuklah terhadap kerajaan terutamanya dalam melibatkan isu-isu politik. Menurut Syed Mohammad Hilmi et al. (2022) kemajuan teknologi menjadi pencetus berkembangnya media sosial baharu sekali gus telah mempengaruhi budaya dan kehidupan manusia seharian sehingga turut melahirkan isu berkaitan penyalahgunaannya terutama sekali dalam berkomunikasi sehingga berlakunya pelbagai bentuk pelanggaran termasuklah pelanggaran maksim kesopanan dalam komunikasi.

Kita sedia maklum bahawa isu politik bukanlah sesuatu yang asing untuk dicapai mahupun diakses oleh pengguna media sosial kini kerana ia menjadi sebahagian daripada berita utama yang dimuat naik dalam media sosial. Media sosial menjadi medan perbincangan dalam pelbagai isu tanpa sempadan sehingga pengguna media sosial mengeluarkan kata-kata yang tidak sewajarnya seperti bahasa kesat mahupun cacian yang boleh menimbulkan pelbagai reaksi. Semua maklumat di hujung jari tidak lagi ditapis dan hanya diterima secara terus untuk diberi pandangan secara tidak berhemah oleh sebahagian daripada pengguna media sosial sehingga mampu memberi kesan dari segi emosi dan komunikasi (Romlah, 2019). Keterbukaan pengguna media sosial mengeluarkan kata kesat mahupun cacian terhadap mana-mana ahli politik atau kerajaan wajar diberi perhatian kerana ia mampu mempengaruhi imej sesebuah kerajaan yang mentadbir negara dalam satu-satu masa. Justeru, kajian ini bertujuan (i) mengenal pasti dan (ii) menganalisis penggunaan elemen ketidaksantunan dalam ruangan komen Facebook berkaitan isu lantikan Hakim Persekutuan yang pernah menjadi isu hangat dalam ruangan komen Facebook. Isu tular tersebut telah mendapat perhatian ramai yang bukan sahaja dalam kalangan ahli politik malah, masyarakat juga turut menyatakan kegusaran berkait isu berkenaan melalui pelbagai platform termasuklah meninggalkan komen-komen positif mahupun negatif di media sosial masing-masing.

1.1 Kerangka Konsep Ketidaksantunan

Secara asasnya, konsep ketidaksantunan berbahasa adalah peluasan daripada model kesantunan berbahasa. Prinsip ketidaksantunan merujuk kepada satu perbuatan individu sama ada dari segi pergerakan atau tingkah laku dan pertuturan yang tidak menzahirkan elemen kesopanan sehingga menimbulkan rasa kurang senang terhadap orang di sekelilingnya. Dari aspek tingkah laku, elemen ketidaksantunan dapat dikenal pasti melalui cara seseorang memberi

reaksi terhadap sesuatu manakala dari aspek pertuturan pula merujuk kepada pemilihan leksikal yang digunakan dalam sesebuah komunikasi. Dalam erti lain, ketidaksantunan merujuk kepada satu perbuatan kasar, tidak sopan atau melanggar norma sosial dan prinsip kesopanan dalam interaksi. Keadaan tersebut boleh menyebabkan berlakunya konflik antara penutur dan pendengar dengan niat mengancam air muka atau maruah orang lain dengan sengaja.

Kajian ini menggunakan kerangka strategi ketidaksantunan oleh Culpeper (1996) sebagai teras utama untuk mengklasifikasikan strategi serangan air muka yang dilakukan oleh pengguna media sosial. Menurut Culpeper (1996), ketidaksantunan merujuk kepada penggunaan strategi yang direka untuk mencerooh air muka dan mencetuskan ketidakharmonian sosial. Bagi memperincikan lagi bentuk ujaran spesifik yang ditemui dalam setiap strategi tersebut, Formula Ketidaksantunan Konvensional oleh Culpeper (2011) digunakan sebagai instrumen tambahan dalam menganalisis dapatan data yang bersandarkan rujukan utama, Culpeper (1996).

Culpeper (2011) menjelaskan konsep ‘impolite’ dari perspektif pragmatik linguistik dengan menunjukkan kajian fenomena bahasa yang menjurus kepada aspek ketidaksantunan (impoliteness), kebiadaban (rudeness), bahasa bersifat agresif, serta bahasa kesat (abusive language). Terdapat 10 elemen ketidaksantunan atau formula yang telah diperkenalkan oleh Culpeper (2011) dalam teorinya, antaranya elemen ugutan, elemen hinaan, elemen kritikan atau aduan, bentuk soalan yang mencabar atau praandaian, elemen meninggi diri, elemen mesej bertujuan paksaan, elemen penyingkiran, bentuk untuk mendiamkan, elemen sumpahan dan elemen gangguan campur tangan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Formula Ketidaksantunan Konvensional (Culpeper, 2011)

Elemen	Huraian
Ugutan	Merujuk kepada penggunaan kata-kata berbentuk ancaman, amaran atau tekanan yang bertujuan menakutkan, memaksa atau mengugut pihak lain agar mematuhi kehendak penutur
Hinaan	Merujuk kepada penggunaan kata-kata tidak santun dan negatif yang digunakan sebagai panggilan, penegasan, rujukan terhadap diri, serta rujukan kepada pihak ketiga bagi merendahkan martabat seseorang
Vokatif Negatif Persendirian	Merujuk kepada penggunaan kata panggilan negatif secara langsung terhadap individu tertentu dengan tujuan menghina, memperlekeh atau menyinggung perasaan
Penegasan Negatif Persendirian	Merujuk kepada pernyataan negatif yang menegaskan kelemahan, kekurangan dan keburukan individu melalui ungkapan yang menjatuhkan maruah dan harga diri
Rujukan Negatif Persendirian	Merujuk kepada penggunaan frasa atau ungkapan negatif untuk merujuk secara langsung kepada individu tertentu dengan tujuan merendahkan dan memperkecilkan martabat.
Rujukan Negatif Orang Ketiga	Merujuk kepada penggunaan ungkapan negatif terhadap pihak ketiga bagi menyampaikan penghinaan, ejekan atau sindiran secara tidak langsung
Kritikan	Merujuk kepada kritikan atau aduan yang disampaikan secara sinis, melampau dan tidak menyenangkan sehingga boleh menimbulkan rasa tersinggung, marah atau malu terhadap pihak yang dikritik
Praandaian	Merujuk kepada bentuk ungkapan yang diajukan bertujuan membuat memprovokasi, menyindir atau menyatakan ketidakpuasan hati menggunakan kata-kata yang menjengkelkan
Meninggi Diri	Merujuk kepada kata-kata yang bersifat merendahkan pihak lain bagi meninggikan kedudukan dan imej diri penutur
Mesej Paksaan	Merujuk kepada penggunaan bahasa berbentuk paksaan, arahan dan desakan yang bertujuan mengawal tindakan dan respons pihak lain
Penyingkiran	Merujuk kepada ungkapan tegas yang seolah-olah menghalau, menyingkir atau memecat seseorang secara langsung atau tidak langsung
Mendiamkan	Merujuk kepada kata-kata yang menekan individu supaya berdiam diri dan menghentikan percakapan
Sumpahan	Merujuk kepada kata-kata kutukan, makian dan harapan agar sesuatu yang buruk berlaku terhadap pihak lain sebagai luahan kemarahan dan kebencian
Gangguan Campur Tangan	Merujuk kepada perbuatan mencelah, menjerit atau mengintai perbualan tanpa kebenaran sehingga mengganggu kelancaran komunikasi dan menimbulkan rasa kurang senang

2. Kajian Literature

Kajian berkaitan kesantunan dan ketidaksantunan telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu terutama dalam elemen komunikasi lisan. Bersandarkan kajian-kajian lepas seperti kajian Culpeper (1996), Culpeper, Bousfield dan Wichmann (2003), Harris (2011), Asmah Omar (2007), Zulkifley Hamid dan Naidatul Zamrizam Abu (2016), Azianura dan Mohammad Rahim (2019), Mohd Khadir Abdul Wahab, Mohd NorTaufiq NorHashim dan Wan Azni Wan Mohamad (2021) dan Sara Beden dan Nurul Jamilah (2022).

Antara kajian awal yang dilaksanakan oleh Culpeper (1996) selepas beliau memperkenalkan kerangka ketidaksantunan bahasa yang mula mendapat perhatian serius telah memfokuskan strategi linguistik dalam menyerang air muka (face) seseorang individu. Tambah beliau lagi, ketidaksantunan bukan sekadar tiada nilai santun, malah satu tindakan komunikatif yang dengan sengaja bertujuan menjatuhkan maruah, menimbulkan ketegangan atau konflik dan mempamerkan dominan dalam konteks sosial. Dapatan kajian beliau telah menjadi medan baharu untuk memahami interaksi sosial yang bersifat negatif ataupun agresif, khususnya dalam konteks komunikasi lisan dan bertulis.

Selain itu, Culpeper, Bousfield dan Wichmann (2003) juga turut meneliti elemen ketidaksantunan dalam konteks semula jadi dalam sesebuah komunikasi. Mereka mendapati bahawa penggunaan bahasa kasar, sindiran, hinaan, cacian, makian serta ancaman sering berlaku dalam situasi konflik. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa ketidaksantunan tidak berlaku secara natural tetapi didorong pelbagai faktor seperti faktor hubungan sosial, status, kuasa dan konteks situasi. Jelas sekali bahawa kajian ini membuktikan bahawa ketidaksantunan berfungsi sebagai strategi dalam sesebuah retorik bagi mempengaruhi persepsi pendengar dan mengukuhkan kedudukan penutur dalam sesebuah interaksi sosial.

Berdasarkan kajian oleh Harris (2011) dalam konteks komunikasi media dan politik pula menunjukkan bahawa elemen ketidaksantunan digunakan sebagai strategi untuk (i) raih sokongan, (ii) bina identiti politik dan (iii) cetus reaksi emosi khalayak dalam sesuatu konteks. Tambah beliau lagi wacana politik moden semakin cenderung menggunakan bahasa konfrontasi, provokasi dan serangan peribadi bagi meningkatkan daya tarikan mesej termasuklah sokongan pelbagai pihak agar kelihatan popular dan mendapat sokongan penuh. Fenomena ini mencerminkan bahawa peralihan norma kesantunan dalam ruang awam, khususnya dalam media masa seperti media sosial dan platform digital yang lebih terbuka serta kompetitif.

Kajian oleh Azianura dan Mohammad Rahim (2019) mendapati komunikasi melalui teknologi membuka ruang berlakunya isu buli apabila pengguna media sosial terutamanya menggunakan perkataan kesat sehingga mengecam, mengganggu, memalukan dan mengugut pengguna lain yang tidak sehaluan atau bersependapat dengan mereka. Tambah mereka lagi, bukan sahaja elemen ketidaksantunan semakin menyerlah malah buli juga semakin berleluasa berlaku di media sosial. Penggunaan kata-kata kesat seumpama itu bukan sahaja memberi kesan dari aspek pragmatik linguistik malah kesan emosi yang boleh menyebabkan seseorang berasa terancam, sedih atau takut juga antara isu yang turut membimbangkan.

Justeru, kajian yang dilakukan oleh Mohd Khadir Abdul Wahab, Mohd NorTaufiq NorHashim dan Wan Azni Wan Mohamad (2021) berkaitan penggunaan elemen kesantunan dalam komunikasi sangat penting kerana ia menjadi identiti kepada sesebuah negara. Kajian mereka mendapati, setiap negara mempunyai identiti tertentu yang dapat diklasifikasikan melalui penggunaan perkataan atau leksikal. Penerimaan setiap negara juga berbeza berkaitan dengan kata kesat kerana terdapat negara menormalisasikan konteks tersebut berbanding dengan negara Asia. Oleh itu, keperluan untuk mengkaji tahap ketidaksantunan dalam kalangan pengguna media sosial perlu untuk diteliti agar dapat diatasi demi memastikan ia tidak menjadi sebahagian daripada identiti negatif sesebuah negara.

Kajian oleh Sara Beden dan Nurul Jamilah (2022) mendapati media komunikasi yang semakin canggih menjadikan medan untuk pengguna melontarkan kata-kata kesat seperti kata hinaan, cacian atau sumpahan apabila mereka berasa marah terhadap sesuatu isu yang dipaparkan. Elemen ketidaksantunan semakin berleluasa dengan menggunakan pelbagai leksikal yang menjurus ke arah ketidaksantunan. Tambah mereka lagi, pengguna media komunikasi semakin berani mempamerkan ketidaksantunan secara langsung di platform media sosial kerana ia seakan diterima oleh sekelompok kumpulan yang menggunakan medium berkenaan untuk menyelar, mencarut atau mengkritik isu yang tidak sesuai dengan penerimaan mereka.

Antara kajian tempatan yang terawal berkaitan ketidaksantunan dalam komunikasi masyarakat Melayu turut dilaksanakan oleh Asmah Omar (2007) yang mendapati berlakunya perubahan ketara, terutamanya dalam media sosial. Menurut beliau, walaupun budaya Melayu sangat menekankan nilai kesantunan, budi pekerti, akhlak mulia dan sopan namun, faktor globalisasi dan hak kebebasan bersuara telah mengubah corak penggunaan bahasa, sekali gus meningkatkan kecenderungan terhadap ketidaksantunan. Pendapat dan pandangan beliau turut disokong dengan kajian oleh Zulkifley Hamid dan Naidatul Zamrizam Abu (2016) yang mendapati bahawa penggunaan leksikal yang kurang sesuai seperti perkataan kasar, sindiran dan penghinaan semakin berleluasa dalam media masa terutama media sosial, terutamanya apabila melibatkan isu sensitif seperti politik, agama dan sosial.

Tuntasnya, perbincangan kajian-kajian lepas membuktikan bahawa ketidaksantunan merupakan fenomena jelas dan konsisten berlaku dalam linguistik yang kompleks serta dipengaruhi oleh faktor budaya, konteks, medium komunikasi serta hubungan sosial. Perbincangan kajian terdahulu juga turut menekankan keperluan untuk menganalisis ketidaksantunan secara kritis agar dapat memahami kesannya terhadap faktor keamanan, keharmonian sosial, pembentukan identiti dan nilai kesopanan dalam masyarakat khususnya Malaysia sebuah negara majmuk pelbagai bangsa dan negara. Justeru, kajian lanjut dan mendalam berdasarkan konteks tempatan amat penting bagi memperkaya kefahaman tentang dinamika ketidaksantunan bahasa dalam era komunikasi digital masa ini.

2.1 Pernyataan Masalah

Penelitian terhadap kajian-kajian lepas berkaitan elemen ketidaksopanan mendapati penggunaan unsur-unsur bahasa kesat ataupun kata cacian seolah-olah tidak terbendung kerana penggunaan yang semakin berleluasa lebih-lebih lagi dalam memberi kritik terhadap sesuatu kandungan yang tidak menepati cita rasa mereka. Menurut Mohd Khaidir, Moh NorTaufi dan Wan Azni (2021), manusia pada hari ini sewajarnya mengamalkan aspek kesantunan berbahasa kerana ia telah secara azali dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Lantas, mereka berpendapat bahawa isu berkaitan ketidaksantunan berbahasa sewajarnya tidak berlaku kerana Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang beridentitikan nuansa citra Malaysia iaitu negara majmuk, aman damai dan bertatasusila. Walaupun kajian terdahulu kebanyakan dijalankan terhadap komunikasi lisan dalam kelompok tertentu, namun kajian ini terarah kepada pengguna media sosial yang mana ia menjadi platform yang boleh diakses oleh semua lapisan masyarakat tanpa sekatan. Lantas, keadaan ini bertentangan dengan situasi semasa kerana dengan jelas terbukti bahawa kecenderungan pengguna media sosial menggunakan leksikal ketidaksantunan adalah tinggi kerana beranggapan ia lumrah dalam memberi pandangan demi mendapat maklum balas dari pelbagai pihak.

Selain itu, masyarakat Malaysia juga pernah disanjung tinggi kerana dikatakan memiliki nilai-nilai kesopanan dan tatasusila yang tinggi (Azman Yusof, 2024) namun, akibat daripada perubahan gaya hidup dan perkembangan teknologi menyebabkan perubahan nilai dan jati diri masyarakat juga berubah. Keadaan ini mendorong berlakunya penggunaan kepelbagaian bahasa yang akhirnya menjadi rencam. Akibat daripada kurangnya pengetahuan atau kemahiran menyaring perubahan positif menyebabkan situasi tersebut sukar dikawal mahupun dibendung kerana seolah-olah telah menjadi sebahagian daripada identiti generasi kini dalam melontarkan pendapat atau pandangan melalui bahasa kesat, makian ataupun cacian. Sedangkan, elemen kesantunan telah menjadi sebatil dalam kalangan masyarakat Malaysia kerana ia adalah identiti sejagat sehingga akhir-akhir ini penggunaan elemen ketidaksantunan bahasa semakin membimbangkan terutama dalam media sosial yang terbuka untuk diakses oleh seluruh pengguna tanpa mengira lokasi, masa dan latar belakang. Justeru, kajian perlu dilakukan untuk memastikan situasi sebenar berkaitan elemen ketidaksantunan agar tidak menjadi barah dalam kehidupan masyarakat.

3. Metodologi

Kajian kualitatif berbentuk deskriptif digunakan dalam menjalankan kajian ini dengan memilih ruangan komen dalam Facebook sebagai bahan kajian kerana keterbukaan pengguna aplikasi berkenaan dalam menyuarakan pendapat atau pandangan terhadap sesuatu isu tular. Media sosial Facebook dipilih sebagai medium kerana sifat platform tersebut yang lebih terbuka dalam memuat naik berita, isu atau keadaan semasa lebih-lebih lagi dengan jumlah pengguna yang tinggi. Ruangan komen yang dianalisis hanya melibatkan isu berkaitan lantikan Hakim Persekutuan yang menjadi topik hangat di pelbagai platform termasuklah Facebook. Manakala kriteria pemilihan komen yang dianalisis pula adalah secara rawak yang mempunyai unsur ketidaksantunan dalam ruangan komen tersebut. Latar belakang orang yang memberi komen tidak mempengaruhi dalam menentukan memilih komen-komen untuk dianalisis dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, ruangan komen dalam media atau aplikasi lain tidak diteliti

untuk dianalisis kerana kajian ini hanya berfokus kepada bahan kajian ruangan komen Facebook. Sebanyak lima hantaran di Facebook berkaitan lantikan Hakim Persekutuan dianalisis dengan meneliti komen-komen pengguna media sosial berkenaan. Hantaran tersebut telah dimuat naik oleh salah satu kandungan berita dalam talian yang mendapat tanda suka dan pengikut yang ramai di media sosial. Sembilan (9) komen telah dikenal pasti menggunakan kata kesat ataupun cacian dan telah dianalisis serta dibincangkan bersandarkan lima kerangka Strategi Ketidaksantunan Culpeper (1996), iaitu strategi ketidaksantunan secara langsung, strategi ketidaksantunan positif, strategi ketidaksantunan negatif, sindiran dan menahan kesantunan serta diperincikan bentuk ujarannya yang turut disokong dengan Formula Ketidaksantunan Konvensional Culpeper (2011). Seterusnya, komen-komen yang telah dikenal pasti disaring terlebih dahulu, kemudian disepadankan dengan kerangka Strategi Ketidaksantunan Culpeper (1996). Bagi mengukuhkan kebolehppercayaan kandungan komen tersebut, penglibatan seorang pakar bidang pragmatik diminta untuk menilai kerevelan ciri-ciri ketidaksantunan yang digunakan dalam komen-komen berkenaan. Melalui kaedah tersebut, dapatan analisis yang dibincangkan memberi impak yang lebih bermanfaat kepada pembaca.

4. Dapatan

Perbincangan seterusnya memperincikan hasil analisis kajian dengan membincangkan dapatan berdasarkan persoalan kajian berkaitan (i) mengenal pasti dan (ii) menganalisis penggunaan elemen ketidaksantunan dalam ruangan komen Facebook berkaitan isu lantikan Hakim Persekutuan yang pernah menjadi isu hangat dalam ruangan komen Facebook. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, penggunaan bahasa kesat dan cacian di ruangan komen Facebook menunjukkan empat daripada lima Strategi Ketidaksantunan Culpeper (1996) telah digunakan dalam kalangan pengguna media sosial berkenaan. Empat strategi tersebut ialah strategi ketidaksantunan secara langsung, strategi ketidaksantunan positif, strategi ketidaksantunan negatif dan sindiran.

4.1 Strategi Ketidaksantunan secara Langsung

Strategi ketidaksantunan secara langsung merujuk kepada satu bentuk tindakan secara terang-terangan dengan menggunakan nama sasaran secara nyata dan jelas (Culpeper, 1996). Keadaan ini membuktikan ancaman air muka sasaran tanpa berselindung dengan menggunakan bahasa kesat jelas membuktikan pengguna media sosial berani dalam menyatakan mesej secara langsung. Tindakan seumpama ini selari dengan kerangka ketidaksantunan secara langsung yang kemudiannya direalisasikan melalui elemen formula Vokatif Negatif Persendirian (Culpeper, 2011) yang bertujuan menggunakan kata panggilan negatif secara terang-terangan terhadap individu tertentu dengan tujuan menghina, memperlekeh atau menyinggung perasaan.



Rajah 1. Komen ketidaksantunan secara langsung

Berdasarkan rajah 1, terdapat penggunaan strategi ketidaksantunan secara langsung yang sangat jelas pada jaran “Woiiii Kau tak faham Bahasa melayu ke rakyat dah benci Kau sampai bila so berambus lah rakyat Makin susah bukan makin senang sejak Kau jadi pm ni” memperlihatkan provokatif yang tajam untuk mengkritik Dato’ Seri Anwar Ibrahim susulan daripada isu pelantikan Ketua Hakim Negara. Strategi ini dapat dikenal pasti melalui ujaran yang jelas dan nyata telah mengancam atau mengganggu air muka pihak dilawan tutur (Nur Aisyah & Aminnudin, 2022). Perkataan “woiiii” di awal ayat jelas menunjukkan kemarahan penutur untuk menyerang air muka individu yang terlibat secara terbuka melalui medium media sosial.

Manakala frasa seperti “Kau tak faham Bahasa melayu ke”, “rakyat dah benci Kau”, “berambus lah” dan “rakyat Makin susah bukan makin senang sejak Kau jadi pm ni” merujuk kepada serangan peribadi secara langsung dan kasar untuk merendahkan individu terlibat. Iaitu Perdana Menteri Malaysia. Frasa-frasa berunsurkan kecaman ini mencerminkan tahap kekecewaan yang tinggi dalam kalangan rakyat khususnya apabila melibatkan sesebuah pentadbiran tidak dijalankan secara telus dan adil. Oleh itu, jelaslah bahawa media sosial adalah ruang awam untuk masyarakat memberi kritikan dan melepaskan rasa tidak puas hati terhadap pemimpin sehingga menjadikannya sebagai medan ketidaksantunan politik yang agresif. Walau bagaimanapun, strategi ketidaksantunan yang digunakan adalah tidak wajar memandangkan isu lantikan berkenaan masih belum muktamad kerana ia hanyalah bersifat khabar

angin sahaja. Justeru, kewajaran untuk mempertimbangkan penggunaan bahasa kesat adalah sangat tinggi bagi mengelak konflik, ancaman air dan mencalar maruah individu yang bertanggungjawab mengemudi sesebuah negara.

Rajah 2 pula mempamerkan antara komen yang telah dianalisis menggunakan strategi kesantunan secara langsung dengan menerapkan elemen Penegasan Negatif Persendirian yang bertujuan memberi pernyataan negatif yang menegaskan kelemahan, kekurangan dan keburukan individu melalui ungkapan yang menjatuhkan maruah dan harga seseorang yang dimaksudkannya.



Rajah 2. Komen ketidaksantunan secara langsung

Rajah 2 merupakan dapatan analisis bagi strategi ketidaksantunan secara langsung yang secara jelas menunjukkan penutir telah menyerang air muka orang yang dimaksudkannya dalam konteks komen berkenaan. Frasa “bapa penyembangan negara” yang dinyatakan dalam ujaran tersebut berfungsi sebagai gelaran untuk memperlekeh Dato’ Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri Malaysia yang mana ia sepatutnya tidak berlaku kerana peranan dan tanggungjawab beliau sebagai Perdana Menteri. Frasa tersebut turut diikuti dengan ujaran penghinaan dengan perujuk kepada penggunaan kata-kata tidak santun dan negatif yang digunakan sebagai panggilan, penegasan, rujukan terhadap diri, serta rujukan kepada pihak lain bagi merendahkan martabat seseorang, iaitu leksikal “bangang”. Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) menjelaskan perkataan “bangang” sebagai bodoh atau dungu orang ini. Perkara ini membuktikan bahawa penutir telah menolak norma kesantunan dalam berbahasa dan lebih memilih untuk mengganggu imej individu terlibat dengan menyerangnya melalui kritikan terbuka malah turut mendapat 29 reaksi positif dengan memberi tanda suka dan gembira pada komen berkenaan sedangkan komen tersebut menggunakan strategi ketidaksantunan. Oleh itu, jelaslah bahawa strategi ini kebiasaannya digunakan dalam media sosial untuk menggambarkan rasa marah dan tidak puas hati masyarakat terhadap kerajaan.



Rajah 3. Komen ketidaksantunan secara langsung

Rajah 3 juga merupakan ujaran yang mengandungi strategi ketidaksantunan secara langsung dengan ujaran yang mengandungi penggunaan kata ganti nama “engkau” secara berulang bagi merujuk Perdana Menteri Malaysia iaitu YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim. Panggilan ini memberi implikasi ketidaksantunan yang ketara dalam keseluruhan konteks isu ini. Hal ini disebabkan oleh penggunaan kata panggilan “engkau” khususnya untuk merujuk pemimpin dianggap kurang sopan dalam konteks budaya Melayu. Ujaran dalam Rajah 9 ini juga jelas menunjukkan warga siber menyuarakan kritikan secara terang-terangan kepada Perdana Menteri Malaysia berkenaan proses pelantikan Ketua Hakim Negara. Sebarang panggilan hormat untuk merujuk kepada pemimpin negara tidak digunakan dalam ujaran tersebut menunjukkan bahawa penutir cuba memberi tekanan politik terhadap Dato’ Seri Anwar Ibrahim.

Selain itu, frasa “mana pergi tatakelola yang baik yang engkau sembang ke hulu ke hilir?” juga dengan jelas elemen ketidaksantunan secara langsung yang digunakan oleh warga siber dalam ruangan komen tersebut. Frasa tersebut dengan jelas berbentuk mengancam air muka pihak lawan tutur kerana dengan jelas menggunakan frasa “engkau” dan turut mempersoalkan dasar yang diperkenalkan oleh individu terbabit. Bertepatanlah dengan konsep strategi menahan kesantunan oleh Culpeper (1996) yang menjelaskan bahawa strategi ini diungkap secara langsung yang bertujuan mengancam air muka dan kritikan atau aduan secara sinis, melampau dan tidak menyenangkan sehingga boleh menimbulkan rasa tersinggung, marah atau malu.

4.2 Strategi Ketidaksantunan Positif

Strategi ketidaksantunan positif merujuk kepada penggunaan strategi yang direka untuk merosakkan keinginan air muka positif (positive face wants) pihak lawan tutur, iaitu keinginan asas setiap individu untuk sentiasa diterima, dihargai, dan dihormati (Culpeper, 1996). Berdasarkan kerangka Culpeper (1996), strategi ini direalisasikan melalui tindakan khusus seperti menggunakan kata-kata tabu, melemparkan cacian, serta memanggil pihak lawan dengan gelaran nama yang buruk atau menghina (name-calling). Walaupun strategi ini lebih memfokuskan serangan peribadi, ia kekal berteraskan elemen ketidaksantunan sebagaimana pendapat Culpeper, Bousfield dan Wichmann (2003) bahawa ketidaksantunan boleh wujud dalam pelbagai konteks, tertakluk kepada mesej negatif yang ingin disampaikan oleh penutur.

Perbezaan strategi ini dengan strategi ketidaksantunan secara langsung (Bald on Record) pada bahagian 3.1 dapat dilihat dengan jelas pada bentuk serangannya. Dalam ketidaksantunan secara langsung, serangan dizahirkan menerusi arahan yang telus dan konfrontasi berdepan (contohnya, lafaz arahan menghalau "berambus lah" dan sapaan keras "Kau/Engkau"). Sebaliknya, ketidaksantunan positif memfokuskan kepada taktik merosakkan imej peribadi sasaran melalui gelaran menghina seperti panggilan "org bodoh" bagi menafikan tahap intelektual sasaran dan menjatuhkan maruah di mata masyarakat awam.



Rajah 4. Komen ketidaksantunan positif

Rajah 4 menunjukkan penggunaan strategi ketidaksantunan positif. Berdasarkan konteks keseluruhan ujaran tersebut, ia bertujuan memperlekeh pihak yang menyokong Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan membuat praandaian yang merujuk kepada ungkapan yang menjurus kepada bentuk memprovokasi, menyindir atau menyatakan ketidakpuasan hati menggunakan kata-kata yang menjengkelkan. Frasa "org bodoh" dalam ujaran tersebut menunjukkan sindiran dan penghinaan secara kasar terhadap pihak yang mempercayai kepercayaan politik parti kerajaan sekali gus memberi implikasi negatif terhadap imej Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ujaran ini selari dengan elemen Hinaan (Culpeper, 2011) yang merujuk kepada penggunaan kata-kata tidak santun bagi merendahkan martabat seseorang, lantas menepati konsep ketidaksantunan positif (Culpeper, 1996) yang mensasarkan kerosakan pada air muka positif sasaran melalui penggunaan bahasa tabu. Bahasa tabu melibatkan penggunaan bahasa yang kasar, tidak manis dan lucah seperti perkataan "bodoh" dan sebagainya (Nur Ashikin Syahirah & Azean Idruwani, 2024). Oleh itu, jelaslah bahawa strategi ketidaksantunan positif kebiasaannya digunakan oleh sesetengah penutur untuk melemahkan kredibiliti pihak lawan melalui hinaan khususnya terhadap intelektual mereka dengan menggunakan perkataan yang kasar dan kesat sehingga menimbulkan pelbagai respons dan andai pihak yang terlibat dalam komunikasi seumpama itu.



Rajah 5. Komen ketidaksantunan positif

Berdasarkan rajah 5, ujaran "roundabout sampai kiamat" juga menunjukkan penggunaan strategi ketidaksantunan positif yang tidak ketara namun, makna di sebalik ujaran tersebut bertujuan mengancam air muka pihak yang dimaksudkan kerana penutur telah menggunakan bahasa yang kabur untuk menyatakan maksud sebenar. Ujaran ini mempunyai unsur metafora yang membandingkan dua perkara berbeza tanpa menggunakan kata perbandingan. Perkataan "roundabout" dalam ujaran ini dapat dikaitkan dengan pengulangan, iaitu peristiwa yang berulang-ulang dan berpusing-pusing manakala frasa "sampai kiamat" pula memberi gambaran situasi tersebut akan berterusan tanpa penyelesaian sedangkan mereka beranggapan perkara atau isu tersebut boleh diselesaikan dengan cepat dan mudah.

Hal ini secara tidak langsung telah memperlihatkan ketidakcekapan kepimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam mengatasi isu berkaitan pelantikan ketua hakim negara ini dengan baik.

Selain itu, ungkapan tersebut juga dapat dikategorikan sebagai sumpahan (Culpeper, 2011) yang merujuk kepada kata-kata kutukan, makian dan harapan agar sesuatu yang buruk berlaku terhadap pihak lain sebagai luahan kemarahan dan kebencian. Malah, strategi ini juga membolehkan seseorang penutur menyuarakan kritikan tanpa menyasarkan pihak tertentu secara eksplisit. Bertepatan dengan konsep ketidaksantunan menurut Culpeper (1996) bahawa salah satu aspek bagi strategi ketidaksantunan positif adalah dengan menggunakan bahasa kabur agar tidak dikecam namun perbuatannya mengancam air muka pihak lawan tutur. Justeru, strategi ketidaksantunan positif dapat memberi ruang selamat terhadap penutur untuk berkomunikasi di media sosial secara terbuka. Namun demikian, perkara ini juga akan menjadikan lebih ramai masyarakat berkomunikasi di media sosial secara bebas tanpa mementingkan unsur kesantunan sekiranya tidak ditangani dengan secara berhemah. Oleh itu, jelaslah bahawa penggunaan bahasa yang tidak jelas namun berbentuk sumpahan atau sindiran khususnya semasa memberi kritikan terhadap pemimpin negara menjadikannya sebagai satu bentuk ketidaksantunan dalam komunikasi

4.3 Ketidaksantunan Negatif

Strategi ketidaksantunan negatif merujuk kepada satu bentuk tindakan yang menjatuhkan air muka sasaran melalui perbuatan merendahkan, meremehkan serta menakutkan sasaran dengan perlakuan atau bahasa (Culpeper, 1996). Strategi ini digunakan secara langsung terhadap sasaran yang dengan jelasnya untuk menghina dan mengaibkan air muka sasaran. Berdasarkan Culpeper (1996), strategi ini direalisasikan dengan taktik mengaitkan pihak lawan dengan sifat negatif. Dalam membedah dapatan kajian bagi subtopik ini, pengaplikasian formula Culpeper (2011) turut digunakan bagi memperincikan strategi tersebut, antaranya bentuk atau elemen Vokatif Negatif Persendirian, Penegasan Negatif Persendirian, Rujukan Negatif Persendirian dan Rujukan Negatif Orang Ketiga.



Rajah 6. Komen ketidaksantunan negatif

Berdasarkan rajah 6, terdapat penggunaan strategi ketidaksantunan negatif berbentuk rujukan negatif orang ketiga yang merujuk kepada penggunaan ungkapan negatif terhadap pihak ketiga bagi menyampaikan penghinaan, ejekan atau sindiran secara tidak langsung. Ujaran “Dulu kita yang jerit nak reform itu ini tapi tak buat pun itu yg org marah tu” menunjukkan penutur memandang rendah terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim atas kegagalannya menunaikan reformasi seperti dijanjikan ekoran daripada isu pelantikan Ketua Hakim Negara ini. Ujaran tersebut juga menyingkap kisah lalu yang menyokong dan turut serta dalam reformasi yang pernah Perdana Menteri anjurkan ketika masih belum menjawat jawatan tersebut. Selain itu, ujaran tersebut diikuti dengan “Bila dah org bercakap itu ini buat relax sudah lah yg nak koyak pasai pa”. Ujaran ini mempunyai unsur memperkecilkan perasaan lawan tutur atau piak yang dimaksudkan dalam komunikasi berkenaan. Hal ini demikian kerana, frasa “relax sudah lah yg nak koyak pasai pa” menunjukkan bahawa penutur telah menolak hak individu pihak dilawan tutur untuk tidak diganggu. Bertepatanlah dengan konsep yang diketengahkan oleh Culpeper (1996) yang menyatakan bahawa memandang rendah dan memperkecil perasaan pendengar merupakan salah satu aspek dalam ketidaksantunan negatif. Oleh itu, jelaslah bahawa strategi ini menggambarkan cara sesetengah masyarakat bersuara di media sosial secara terbuka tanpa mementingkan aspek kesantunan dan imej ahli politik.



Rajah 7. Komen ketidaksantunan negatif

Rajah 7 juga merupakan contoh data bagi strategi ketidaksantunan negatif yang merujuk negatif persendirian iaitu penggunaan frasa atau ungkapan negatif untuk merujuk secara langsung kepada individu tertentu dengan tujuan merendahkan dan memperkecilkan martabat. Ujaran “bukak molot aje mohong PM Tax ni” jelas menunjukkan penutur cuba menyerang imej pihak dilawan tutur secara terbuka. Perkara ini juga sejajar dengan pendapat Sara dan Nurul Jamilah (2022) yang menjelaskan bahawa strategi ini berfungsi untuk merosakkan air muka pihak dilawan tutur dengan melontarkan kata-kata yang tidak sepatutnya seperti leksikal mohon dalam ujaran tersebut. Hal ini demikian kerana, konteks keseluruhan ujaran tersebut memperlihatkan penutur melakukan tuduhan terhadap Dato’ Seri Anwar Ibrahim sebagai pemimpin yang suka menipu terutamanya apabila timbul isu pihak kerajaan tidak telus dalam pelantikan Ketua Hakim Negara.

Tuduhan ini disampaikan secara kasar yang mencerminkan kekecewaan mendalam penutur sebagai seorang rakyat terhadap kredibiliti pemimpin di negara ini yang dianggap tidak jujur dan telus sebagaimana yang didakwa oleh ramai pihak. Tambahan pula, frasa “PM Tax” dalam ujaran tersebut boleh dikaitkan dengan penutur mencemuh Perdana Menteri kerana memperkenalkan dasar-dasar cukai yang membebankan rakyat sedangkan dulu beliau dikatakan pernah berjanji untuk menghapuskan cukai terhadap rakyat. Dalam erti lain, ujaran ketidaksantunan tersebut bukan sahaja mendakwa pembohongan yang dilakukan malah menggelar dengan gelaran cukai atau ‘tax’ sebagai satu bentuk sindiran. Maka, dapatlah dikatakan ujaran tersebut adalah bertepatan dengan konsep Culpeper (1996) yang menjelaskan bahawa mencemuh adalah salah satu aspek dalam ketidaksantunan negatif. Oleh itu, jelaslah bahawa media sosial pada masa ini telah menjadi medium utama untuk warga siber menyalurkan ketidaksantunan berbahasa khususnya apabila melibatkan isu politik yang tidak bertanggungjawab.

4.4 Strategi Ketidaksantunan Sindiran

Strategi ketidaksantunan sindiran (atau kesantunan palsu) merujuk kepada perlakuan yang mengancam air muka dengan menggunakan strategi kesantunan yang jelas tidak ikhlas dan hanya kekal pada tahap permukaan sahaja. Menurut Culpeper (1996), strategi ini dilaksanakan apabila penutur berpura-pura menggunakan kata-kata atau bentuk bahasa yang sopan, namun mesej tersiratnya bertujuan menyindir, mengejek, atau mencetuskan ketidakharmonian sosial. Dalam konteks komunikasi tulisan di media sosial, pengguna kerap menggunakan pujian palsu, struktur ayat yang seakan-akan memuji, atau pertanyaan yang kelihatan biasa tetapi sebenarnya mengandungi hasrat tersirat untuk mengkritik dan merendahkan pihak lawan tutur.



Rajah 8. Komen ketidaksantunan Sindiran

Berdasarkan rajah 8, terdapat penggunaan strategi sindiran dalam ujaran tersebut. Frasa yang menandai sindiran dalam ujaran tersebut adalah “apa cerita...?”. Frasa ini menunjukkan pertanyaan secara sinis oleh penutur terhadap kredibiliti pihak kerajaan mengurus kebocoran maklumat. Pertanyaan ini juga menggunakan gaya bahasa yang santai namun diaplikasikan menggunakan elemen mesej paksaan (Culpeper, 2011), iaitu satu desakan yang bertujuan mengawal tindakan dan respons pihak lawan tutur dalam konteks komunikasi berkenaan. Sindiran kebiasaannya dilakukan dengan menggunakan struktur ayat yang mudah (Nur Aisyah & Aminnudin, 2022) namun, kesannya mendalam dan memberi impak negatif. Oleh hal yang demikian, ujaran ini membuktikan bahawa penutur tidak bersungguh-sungguh ingin meminta jawapan malah, tindakannya hanya bertujuan mendesak bagi tujuan mengawal tindakan dan respons pihak lain sekali gus menyindir kegagalan pihak kerajaan dalam memberi penjelasan.

Dalam pada itu, ujaran tersebut juga hanya cenderung untuk menyindir pihak kerajaan bagi kegagalan mereka dalam memberi penjelasan berkenaan kebocoran dokumen penting yang menjadi salah satu punca isu pelantikan Ketua Hakim Negara ini timbul. Bertepatanlah dengan konsep ketidaksantunan oleh Culpeper (1996) yang menjelaskan bahawa penggunaan sindiran merujuk kepada ajukan yang dibuat-buat atau disengajakan dalam bentuk bersahaja akan tetapi ia memberi kesan dengan mengancam air muka pihak lawan tutur dalam sesebuah komunikasi. Justeru, konteks keseluruhan ujaran tersebut melibatkan pertanyaan ringkas sebagai satu bentuk serangan untuk menyindir pihak terlibat dan sekali gus memperlihatkan ketidaksantunan dalam interaksi di media sosial.



Rajah 9. Komen ketidaksantunan Sindiran

Rajah 9 turut menunjukkan contoh ujaran bagi strategi sindiran. Secara keseluruhannya, ujaran ini memperlihatkan bahasa yang santun kerana mempunyai unsur pujian pada awal ayat. Namun demikian, pujian tersebut diikuti dengan frasa sindiran tajam yang mengubah unsur kesantunan keseluruhan ujaran. Frasa “Eja bulih 50k” menunjukkan sindiran yang disampaikan melalui elemen praandaian (Culpeper, 2011) yang bertujuan memprovokasi dengan membuat dakwaan bahawa pihak kerajaan menyalahgunakan kuasa memberi rasuah dalam isu berkaitan. Frasa ini juga dapat dikaitkan dengan niat penutur untuk menggambarkan bahawa pihak kerajaan tidak amanah dalam isu pelantikan Ketua Hakim Negara. Kritikan atau aduan yang disampaikan secara sinis, melampau dan tidak menyenangkan ini bertepatan dengan elemen kritikan (Culpeper, 2011) sehingga boleh menimbulkan rasa tersinggung, marah atau malu terhadap pihak yang dikritik.

Hal ini demikian kerana, pengguna media sosial beranggapan bahawa pihak berkuasa hanya mempamerkan sifat jujur dan amanah untuk kepentingan politik sahaja kerana masih berlaku penyalahgunaan kuasa di sebalik tadbir pemerintahan. Justeru, pujian yang diberikan pada awal ayat hanyalah sebagai ajukan untuk menyampaikan maksud tidak baik secara halus. Bertepatanlah dengan konsep ketidaksantunan Culpeper (1996) bahawa strategi ini melibatkan kepura-puraan untuk menyampaikan sesuatu sedangkan ia terdapat hasrat tersirat di sebalik pujian pada awal komen tersebut. Oleh itu, jelas bahawa sindiran ini mencerminkan keraguan masyarakat terhadap integriti pihak kerajaan mentadbir negara sekali gus memperlihatkan unsur ketidaksantunan dalam konteks media sosial.

5. Perbincangan

Elemen ketidaksantunan dalam ruangan komen media sosial semakin ketara apabila isu lantikan hakim mahkamah dibincangkan secara terbuka oleh pihak media. Media sosial menjadi medan perbincangan seluruh rakyat dengan menggunakan pelbagai ayat dan istilah sama ada menepati elemen santun atau sebaliknya. Dalam pada itu, media sosial turut menjadi ruang kebebasan untuk bersuara secara vokal, namun kebebasan ini sering disalahgunakan sehingga melahirkan ujaran yang bersifat kasar, menghina dan tidak beretika. Dalam konteks lantikan hakim, perbincangan yang sepatutnya bersifat intelektual dan berlandaskan fakta namun, ia sering bertukar menjadi medan serangan peribadi, tohmahan politik serta spekulasi melampau sehingga warga siber tidak teragak-agak untuk menggunakan bahasa yang tidak santun akibat daripada rasa tidak puas hati ataupun marah. Hal ini mencerminkan kemerosotan nilai kesantunan bahasa dan kegagalan warga siber mengawal emosi ketika menyuarakan pandangan terhadap isu sensitif yang melibatkan institusi kehakiman negara.

Salah satu elemen utama ketidaksantunan ialah penggunaan bahasa kesat dan penghinaan secara langsung terhadap individu iaitu Perdana Menteri Malaysia kerana dianggap menggunakan kuasa untuk memilih, menentukan dan seterusnya melantik Hakim Mahkamah Persekutuan sedangkan proses lantikan tersebut melalui pemilihan yang ketat. Warga siber lebih kerap menggunakan kata-kata berunsur celaan, ejekan, sindiran pedas serta gelaran negatif bagi merendahkan kredibiliti dan integriti Perdana Menteri sehingga tidak lagi mempamerkan rasa hormat kepada pemimpin negara yang telah melaksanakan tanggungjawabnya. Ujaran sebegini bukan sahaja menjejaskan maruah individu terlibat, malah turut mencemarkan imej kerana dan institusi kehakiman amnya dan negara Malaysia khasnya yang sangat terkenal dengan sebuah negara majmuk yang kaya dengan budaya dan budi pekerti mulia. Penggunaan bahasa yang agresif ini juga menunjukkan kecenderungan untuk menyerang peribadi berbanding mengemukakan hujah rasional, sekali gus menggambarkan budaya komunikasi yang tidak matang dan tidak beradab dalam kalangan warga siber.

Selain itu, elemen ketidaksantunan turut terserlah melalui penyebaran tuduhan tanpa bukti serta praandaian berasaskan sentimen politik semata-mata. Dalam ruangan komen, warga siber membuat dakwaan liar, menyebarkan fitnah dan mengaitkan lantikan Hakim Mahkamah Persekutuan dengan kepentingan politik tertentu tanpa sandaran fakta yang kukuh. Tindakan ini bukan sahaja menyalahi etika komunikasi, malah boleh mengelirukan masyarakat serta menimbulkan persepsi negatif terhadap sistem perundangan negara dan tadbir urus negara. Elemen ketidaksantunan

dalam bentuk ini memperlihatkan kecenderungan pengguna untuk mempercayai khabar angin dan emosi berbanding penilaian kritis dan objektif serta matang dalam memberi pendapat atau pandangan.

Antara lain, elemen ketidaksantunan juga dapat dikenal pasti melalui strategi ketidaksantunan negatif yang berbentuk provokasi dan hasutan yang bertujuan mencetuskan konflik. Sebahagian warga siber sengaja menggunakan bahasa yang menyentuh sensitiviti terutama dalam ideologi politik bagi membangkitkan kemarahan serta perbalahan dalam kalangan warga siber. Komen bersifat provokatif ini bukan sahaja mengeruhkan suasana perbincangan, malah berpotensi menggugat keharmonian sosial. Dalam konteks lantikan Hakim Mahkamah Persekutuan, provokasi sedemikian boleh menjejaskan kepercayaan awam terhadap kebebasan dan ketelusan institusi kehakiman dan tadbir urus negara.

Elemen ketidaksantunan kian menular dalam kalangan pengguna media sosial berbanding dengan situasi terdahulu yang mana isu tersebut berlaku dalam komunikasi lisan kalangan masyarakat. Berdasarkan perbincangan kajian ini membuktikan bahawa masyarakat kini terutama pengguna media sosial tidak lagi melihat penggunaan bahasa yang tidak santun dalam komunikasi sebagai satu yang janggal, memalukan dan memberi pandangan negatif terhadap mereka. Malah, pengguna media sosial terutamanya yang lantang meninggalkan komen menggunakan bahasa tidak santun semakin terbuka dengan menggunakan akaun yang peribadi yang memaparkan nama dan gambar sebenar mereka. Situasi ini memberi gambaran bahawa penggunaan elemen ketidaksantunan bahasa bukan lagi sesuatu yang rencam dalam sesetengah pengguna media sosial sedangkan mereka perlu peka bahawa tidak semua pengguna media sosial dari kelompok usia yang sama dan dari latar belakang yang berbeza yang mana terdapat sesetengahnya daripadanya masih menjaga tutur kata dan penggunaan bahasa ketika berkomunikasi di alam maya atau media sosial. Justeru, masyarakat perlu sedar terutamanya penggunaan bahasa menjaga tutur kata bukan sahaja dalam komunikasi lisan seharian malah di media sosial juga masih perlu menerapkan penggunaan bahasa santun.

Tuntasnya, elemen ketidaksantunan dalam ruangan komen media sosial berkaitan lantikan Hakim Mahkamah Persekutuan merangkumi penggunaan bahasa kesat, penghinaan peribadi, tuduhan tidak berasas serta provokasi emosi terhadap individu yang dianggap terlibat secara langsung dalam proses lantikan tersebut iaitu Perdana Menteri Malaysia. Fenomena ini mencerminkan cabaran besar dalam membudayakan komunikasi berhemah di alam siber dengan menitik beratkan elemen kesantunan agar rakyat Malaysia khususnya menggunakan media sosial secara berhemah dengan memilih leksikal positif. Oleh itu, usaha berterusan melalui pendidikan literasi digital, penguatkuasaan undang-undang siber dan pembudayaan nilai kesantunan perlu diperkasakan agar perbincangan awam dapat berlangsung secara matang, beretika dan bertanggungjawab, khususnya dalam isu-isu penting yang melibatkan institusi negara

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa empat daripada lima Strategi Ketidaksantunan Culpeper (1996) telah digunakan secara meluas oleh warga siber dalam komuniti maya. Walau bagaimanapun, strategi kelima, iaitu menahan kesantunan (*withhold politeness*) tidak ditemukan dalam data kajian ini. Menurut Culpeper (1996), strategi ini merujuk kepada ketiadaan perlakuan santun dalam situasi yang secara sosialnya dijangkakan wujud kesantunan tersebut (sebagai contoh, tidak mengucapkan terima kasih apabila menerima hadiah). Ketidadaan strategi ini amat bertepatan dengan sifat ruangan komen awam di media sosial. Hal ini demikian kerana warga siber yang melontarkan kritikan politik tidak berada dalam situasi komunikasi dua hala yang mewajibkan balasan santun terhadap satu sama lain. Oleh itu, perlakuan "menahan santun" ini sukar dibuktikan memandangkan interaksi di ruang tersebut lebih didominasi oleh serangan siber secara terbuka.

Dapatan ini jelas membuktikan bahawa bahasa kesat dan cacian kini digunakan secara terang-terangan untuk menyampaikan kritikan atau menyerang individu tertentu. Fenomena ini semakin menular dan membentuk satu trend berbahasa yang baharu dalam kalangan pengguna media sosial sehingga ia dilihat sukar untuk dibendung. Keadaan ini sangat membimbangkan kerana ia menunjukkan proses normalisasi penggunaan bahasa kesat dalam budaya masyarakat. Sekiranya dibiarkan, fenomena ini mampu menenggelamkan nilai kesopanan dan budi bahasa yang selama ini menjadi citra dan jati diri rakyat Malaysia.

Justeru, ahli akademik perlu terus memainkan peranan untuk mengkaji isu ini secara mendalam dan mencadangkan langkah penambahbaikan yang tuntas. Isu ketidaksantunan ini juga wajar diangkat ke peringkat yang lebih tinggi agar

mendapat perhatian pihak berkuasa. Satu bentuk penguatkuasaan dan mekanisme kawalan yang tegas perlu digembleng bagi membendung budaya tidak sihat ini daripada terus mempengaruhi segenap lapisan masyarakat, terutamanya golongan kanak-kanak yang mudah terdedah kepada penggunaan aplikasi media sosial. Kerjasama erat daripada semua pihak amat diperlukan untuk memastikan penggunaan bahasa kesat dan cacian ini dapat diatasi, bukan sahaja di platform digital, malah dalam apa jua medium yang boleh menjatuhkan maruah dan reputasi individu mahupun institusi.

Rujukan

Asmah Omar. (2007). Kesantunan bahasa dalam masyarakat Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. (2007). Santun Berbahasa. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2019). Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial dalam Kalangan Rakyat Malaysia. e-Bangi: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 16 (6), 1-16.

Azman Yusof. (2024). Ketidaksantunan Berbahasa dalam Kalangan Belia. Majalah Wadah DBP

Culpeper, J. (1996). Towards an anatomy of impoliteness. *Journal of Pragmatics*, 25, 349–367.

Culpeper, J., Bousfield, D., & Wichmann, A. (2003). Impoliteness revisited: With special reference to dynamic and prosodic aspects. *Journal of Pragmatics*, 35(10–11), 1545–1579. [https://doi.org/10.1016/S0378-2166\(02\)00118-2](https://doi.org/10.1016/S0378-2166(02)00118-2)

Culpeper, J. (2011). *Impoliteness: Using language to cause offence*. Cambridge University Press.

Harris, S. (2011). The limits of politeness re-visited: Impoliteness in public discourse. *Journal of Politeness Research*, 7(1), 41–67.

Ika Destiana, Ali Salman & Mohd. Helmi Abd. Rahim. (2013). Penerimaan Media Sosial: Kajian dalam Kalangan pelajar Universiti di Palembang. *Jurnal Komunikasi*, 29 (2), 125-140.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Khadir Abdul Wahab, Mohd NorTaufiq NorHashim & Wan Azni Wan Mohamad. (2021). Aspek Kesantunan dan Ketidaksantunan Berbahasa dalam Kalangan Pelajar Bahasa Melayu: Satu Kajian Perbandingan Dua Buah Negara. *Jurnal Bahasa dan Linguistik*, Vol.3 (2),

Nur Aisyah Mohamad Taufek & Aminnudin Saimon. (2022). Strategi Ketidaksantunan dalam Filem Seri Mersing. *International Young Scholars Journal Of Languages*, 5(1), 26-48.

Nur Ashikin Syahirah Zamri & Azean Idruwani Idrus. (2024). Wacana Perbualan Bahasa Tabu Dalam Kalangan Pengguna Media Sosial Twitter @ X Berdasarkan Ciapan Terpilih Berkaitan Dengan Dimensi Sosial. *Journal of Business and Social Development*, 12(2), 61-77.

Romlah Ramli. (2019). Emosi dan ekspresi budi bahasa remaja dalam interaksi atas talian. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(8), 231-240. <https://doi.10.35631/ijhpl.280017>

Sara Beden & Nurul Jamilah Rosly. (2022). Strategi Ketidaksantunan Culpeper (1996) Sebagai Tanda Keprihatinan Netizen Semasa Penularan Wabak Covid-19. *Jurnal Melayu Sedunia*, 5(1), 35-54.

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Mohd Anuar Ramli, Che Zarrina Sa'ari, Azah Anir Norman, Mohd Anuar Mamat, Muhammad Hazim Mohd Azhar. (2022). Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu-isu dan Panduan Perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 50 (1), 73-96.

Zulkifley Hamid, & Naidatul Zamrizam Abu. (2016). Ketidaksantunan bahasa dalam komunikasi maya. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 2

